

Tradisi berbuka puasa diteruskan di Universiti

BATU PAHAT 24 Ogos – Sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) meneruskan tradisi merekaikan para mahasiswa serta kakitangannya dengan menyediakan juadah berbuka puasa di Masjid Jamek UTHM.

Perkara ini menjadi amalan universiti sejak beberapa tahun lalu dan pada tahun ini dijangkakan lebih 500 warga universiti khususnya mahasiswa UTHM akan berbuka puasa di Masjid Jamek UTHM setiap hari.

Antara mereka yang berbuka puasa di Masjid Jamek UTHM adalah mahasiswa antarabangsa dari pelbagai negara seperti Indonesia, Yemen, Libya, Somalia, Palestin,

Bangladesh, Brunei, Kemboja, Chad, Mesir, Iraq, Nigeria, Pakistan, Sudan, Thailand dan Turki.

Pada masa ini UTHM mempunyai seramai 276 orang mahasiswa antarabangsa. Di samping itu, pihak Masjid Jamek UTHM juga akan mula mengagihkan secara percuma bubur lambuk kepada warga universiti pada setiap hari Ramadhan.

Perbelanjaan keseluruhan untuk juadah berbuka puasa ini adalah hasil sumbangan kakitangan UTHM dan orang ramai.

Sehubungan itu, mana-mana pihak yang ingin menghulurkan sumbangan sila berhubung terus ke Pejabat Pusat Islam UTHM melalui talian 07-4537498/4537649.

PELAJAR dan kakitangan bekerjasama menyediakan juadah berbuka puasa di Masjid Jamek Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, di Batu Pahat, baru-baru ini.

